SAMPEL PERCUMA

Kertas Trial SPM 2026 Prinsip Perakaunan Terengganu

Set penuh: Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2026

MPP 3

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit
(1¼ jam)

Jawab semua soalan

(Kertas ini mengandungi 12 halaman bercetak)

11 Antara berikut, urus niaga manakah akan direkodkan ke dalam Jurnal Khas?

I Pelanggan memulangkan barang niaga yang rosak.
II Ambil barang niaga untuk kegunaan perniagaan.
III Jual barang niaga secara kredit.
IV Beli barang niaga dengan cek.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

12 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Pasaraya Suria.

BUKU TUNAI

Tarikh	Butir	Disk RM	Tunai RM	Bank RM	Tarikh	Butir	Disk RM	Tunai RM	Bank RM
					2026				
					Mac 4	Anip Bhd.		5 000	

Dokumen manakah digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

A Slip daftar tunai
B Keratan cek
C Bil tunai
D Resit

13 Manakah antara akaun berikut merupakan akaun nominal?

I Akaun Promosi
II Akaun Alat tulis
III Akaun Belum Bayar
IV Akaun Insurans Prabayar

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

24 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku perniagaan Kedai Alat Tulis Bibi.

Belian RM5 400 daripada Hana tersalah rekod ke dalam Akaun Hanan.

Apakah jenis kesilapan yang berlaku?

A Kesilapan komisen
B Kesilapan songsang
C Kesilapan ketinggalan
D Kesilapan saling mengimbangi

25 Nyatakan kesan ke atas Akaun Perdagangan dan Untung Rugi selepas pembetulan kesilapan berikut dibuat.

Pulangan jualan dan pulangan belian masing-masing terlebih rekod RM190.

A Untung kasar berkurang.
B Untung kasar bertambah.
C Untung bersih bertambah.
D Untung bersih tiada kesan.

26 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan MAS Enterprise.

	RM
Insurans prabayar	350
Overdraf bank	2 820
Akaun Belum Terima	4 100
Inventori akhir	2 680
Sewa belum terima	860

Berapakah Nisbah Ujian Asid Mas Enterprise?

A 2.83:1
B 1.94:1
C 1.88:1
D 0.93:1

27 Rumus berikut digunakan oleh perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap.

Z = Jumlah aset akhir – Jumlah liabiliti akhir

Apakah Z?

A Modal awal
B Modal akhir
C Modal kerja
D Modal tambahan

© 2026 Hak Cipta JPNT

Bahagian A
[**60** markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1 (a) Perniagaan Agnes membeli sebuah mesin bernilai RM90 000 pada 1 Mac 2020. Susut nilai mesin ditetapkan 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada 28 Februari 2025, mesin direkodkan pada harga asal walau nilainya telah berkurang.

Nyatakan dua andaian atau prinsip yang diamalkan oleh Perniagaan Agnes.

[2 *markah*]

(b) Namakan dokumen yang digunakan dalam urus niaga di bawah:

Urusniaga	Dokumen
(i) Ambilan tunai di bank.	
(ii) Caj bank dikenakan oleh pihak bank.	

[2 *markah*]

(c) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku bagi urus niaga berikut:
(i) Belanja Am yang dibayar secara tunai telah direkod di bahagian debit Buku Tunai dan dikreditkan di Akaun Belanja am.
(ii) Jualan tunai RM754 direkodkan sebagai RM745.

[2 *markah*]

(d) Pada 1 Januari 2025, Syarikat Lee Teng Bhd. telah menerbitkan syer berikut:

100 000 unit Syer Biasa pada harga RM2 sesyer 100 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM3 sesyer

Hitung dividen syer keutamaan pada 31 Disember 2025.

[2 *markah*]

(e) Data berikut diperoleh daripada Kilang Perabot Haikal pada 31 Mei 2026.

	RM
Mesin potong kayu	50 000
Kayu	102 500
Upah pekerja kilang	98 000
Alat-alat kecil	2 980

Hitung kos pengeluaran.

[2 *markah*]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

Sampel ini: 4 muka surat. Set penuh ada:

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar